

TARIKH	23 / 9 / 2016	SEKSYEN	Isu
MUKA SURAT	20	RUANGAN	

→ ISU

KOS VISA UMRAH, HAJI NAIK

Arab Saudi dijangka umum kadar baharu 16 Oktober

→ BUMITRA tak dapat pastikan kesahihan pekeliing tersebar di laman sosial

Oleh **Hazwan Faisal Mohamad**
 hazwanfaisal@bh.com.my
 Kuala Lumpur

Agensi pengendali ibadat haji dan umrah di Arab Saudi belum menerima sebarang makluman rasmi daripada kerajaan negara berkenaan berhubung kenaikan kadar visa umrah dan haji.

Timbalan Presiden Persatuan Agensi-Agensi Pelancongan dan Pengembaraan Bumiputera Malaysia (BUMITRA), Harun K C Ahmmu, berkata perkara itu dimaklumkan sendiri oleh wakil agensi umrah dan haji Alhussam yang juga Pengarah Eksekutif Bahagian Umrah syarikat berkenaan, Abdul

Aziz Khogger.

Beliau berkata, pada pertemuannya dengan Abdul Aziz di negara terbabit semalam, wakil Alhussam itu juga memaklumkan, Kementerian Haji dan Umrah Arab Saudi dijangka mengumumkan peraturan baharu berkaitan perkara itu kepada pengendali umrah dan haji di sana pada 16 Oktober ini.

Harun yang juga Pengarah Urusan Rayhar Travels Sdn Bhd, berkata BUMITRA tidak dapat memastikan kesahihan pekeliing yang tersebar di laman sosial di negara ini, kononnya kenaikan caj visa umrah dan haji akan berkuat kuasa 2 Oktober ini.

"Selepas pengumuman oleh Kerajaan Arab Saudi yang dijangka pada 16 Oktober ini, baru kita

boleh tahu sama ada kandungan dalam pekeliing yang tersebar itu tepat atau tidak. Ketika ini kita tidak tahu sama ada pekeliing itu sah atau tidak kerana tidak tahu sumbernya.

Bersabar tunggu arahan

"Sehubungan itu, saya menasihatkan kepada semua agensi pengu-rusan umrah dan haji di Malaysia supaya bersabar menunggu sehingga arahan rasmi dikeluarkan," katanya yang berada di Arab Saudi ketika dihubungi BH, semalam.


Mengikut pekeliing yang disebarkan, bagi visa haji dan umrah kali pertama, tiada bayaran dikenakan dalam tempoh setahun mengikut tahun hijrah, namun bagi kemasukan seterusnya dilaporkan akan dicaj SR2,000 atau nilai tu-

karan semasa dengan mata wang negara ini pada RM2,207.

Bagi visa kemasukan berganda dengan tempoh sah enam bulan, akan caj SR3,000 (RM3,222.70), diikuti SR5,000 (RM5,371.17) untuk tempoh sah setahun dan SR8,000 (RM8,593.86) bagi tempoh sah dua tahun.

Harun berkata, pihaknya akan memaklumkan kepada semua agensi umrah dan haji tempatan jika ada perkembangan mengenai perkara itu.

Awal Ogos lalu, media melaporkan kos pakej umrah, khususnya membabitkan jemaah yang mengerjakan ibadat berkenaan buat kali kedua, dijangka meningkat susulan semakan semula kadar visa umrah dan haji serta visa bagi tujuan lain oleh Arab Saudi.



Viral
 caj
 baharu
 visa
 haji dan
 umrah.